

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
[TITIWANGSA]
TARIKH : RABU, 27 MEI 2015
RUJUKAN : L3 [PR-1332-L68060]
SOALAN :

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :-

- a) berapakah peruntukan yang telah disediakan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan membaik pulih lif di Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR); dan
- b) apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak DBKL untuk mengurangkan kadar kerosakan lif yang sering berlaku di PA dan PPR.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Titiwangsa, secara keseluruhannya DBKL telah membelanjakan sebanyak RM 14.2 juta pada tahun 2013 dan RM 15.1 juta pada tahun 2014 bagi kerja-kerja penyelenggaraan lif di kawasan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur. Daripada jumlah ini sebanyak RM 9.2 juta pada tahun 2013 telah digunakan untuk kos penyelenggaraan berbanding RM 10.6 juta bagi tahun 2014. Manakala bagi kerja-kerja membaik pulih telah melibatkan kos RM 5 juta bagi tahun 2013 dan RM 4.5 juta bagi tahun 2014.

Bagi tempoh Januari sehingga Disember 2014, sejumlah 5,579 aduan lif telah direkodkan dan sejumlah 4,978 aduan telah diambil tindakan kurang daripada 30 minit bersamaan 89.2% berbanding jumlah aduan keseluruhan yang diterima.

Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh DBKL bagi menangani isu kekerapan kerosakan lif di PA dan PPR adalah seperti berikut:

- i. Menetapkan bebanan kerja kepada kakitangan syarikat lif – satu pasukan mengawal selia tidak melebihi 20 unit lif;
- ii. Menaik taraf peralatan lif kepada yang lebih tahan lasak dan anti-vandalisme, sebagai contoh penggunaan "*trashbutton lift*" iaitu penukaran panel butang lif daripada "*stainless steel*" kepada "*fibre glass*";

- iii. Melaksanakan pemantauan lif dengan lebih kerap termasuk tindakan dan maklumbalas segera terhadap setiap aduan kerosakan lif. Ini dilakukan dengan meletakkan pasukan "*standby team*" kontraktor lif dalam jarak 20 km bagi setiap kawasan perumahan berbanding 30 km sebelum ini dan memastikan setiap aduan diambil tindakan dalam tempoh 30 minit;
- iv. Melaksanakan projek perintis penempatan pengawas lif di PPR Batu Muda dan PA Desa Rejang bagi pemantauan aktiviti vandalisme dan pelaporan kerosakan lif;
- v. Menaik taraf sistem pelaporan di peringkat Pejabat Zon dan Bilik Gerakan Perumahan DBKL kepada sistem berkomputer (ICT) di mana kerja-kerja pemantauan, tindakan dan maklumbalas oleh tenaga kerja jabatan dan kontraktor dapat dijana dan diselaraskan. Ini bagi tujuan memastikan aduan diterima terus oleh kontraktor dan perlu melaporkan semula ke dalam sistem yang sama; dan
- vi. Menjalankan kerja-kerja penggantian lif bagi kawasan yang lama atau lif yang kerap mengalami kerosakan bagi mengurangkan peningkatan kos operasi.